



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Portal : www.kpkt.gov.my
Emel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.3 (88)

Tarikh : 12 Oktober 2014

GENERASI PELAPIS DIDIDIK MENGENAI KEMAMPUAN ALAM PERSEKITARAN DAN PETEMPATAN MANUSIA MENERUSI PROGRAM HABITAT MOMENT 2014

KOTA TINGGI, 12 OKTOBER 2014 - Program *Habitat Moment* disempurnakan oleh Y.B. Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada pagi ini. Program ini adalah salah satu aktiviti di bawah Sambutan Hari Habitat Sedunia.

2. Program *Habitat Moment* ialah program di mana pelajar sekolah rendah berikrar untuk menjadi lebih bertanggungjawab dan berikhtiar dalam memelihara kemampuan alam persekitaran dan petempatan manusia.
3. Program dijalankan di setiap sekolah rendah yang terpilih di seluruh Negara. Pelajar sekolah rendah dipilih untuk program ini kerana mereka adalah generasi pelapis dan pemimpin Negara di masa hadapan.
4. Program *Habitat Moment* ini dijayakan dengan matlamat:
 - meningkatkan kesedaran terhadap isu semasa petempatan manusia;
 - meningkatkan kesedaran penjagaan alam sekitar;
 - menyemai dan membudayakan amalan kitar semula di peringkat awal persekolahan agar negara dapat meningkatkan dan mencapai peratus kitar semula kepada 22% seperti yang disasarkan pada tahun 2020.
5. KPKT menerusi Program *Habitat Moment* ini juga menjalankan Program Bank Kitar Semula. Program ini dianjurkan oleh pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA). Sejak tahun 2010 dan sehingga kini, 49 buah sekolah yang telah dijadikan 'sekolah angkat' di mana para pelajar akan membawa barangan yang boleh dikitar semula ke sekolah pada sesi pungutan barangan kitar semula yang telah ditetapkan dan ianya akan dijual dan seterusnya hasil jualan tersebut akan diberikan pelajar terbabit ataupun akan dimasukkan ke dalam tabung kelab alam sekitar sekolah masing-masing.
6. PPSPPA telah melancarkan Program Transformasi Minda bagi mengubah persepsi dan minda masyarakat supaya tidak melakukan pembaziran makanan. Kajian mendapati rakyat Malaysia rata-rata

dalam sehari membuang sisa makanan sebanyak lapan juta kilogram (kg) sehari dan jumlah terbuang itu mampu menampung bekalan makanan untuk enam juta orang. Pada musim perayaan, peratusan komposisi sisa makanan didapati meningkat sebanyak 15 hingga 20 peratus. Kerjasama yang strategik bersama pengusaha restoran, hotel serta industri agar mereka dapat menyumbangkan makanan lebih kepada badan kebajikan dan golongan yang memerlukan.

7. KPKT menekankan amalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) bagi mewujudkan bandar bersih, indah dan sejahtera menjelang tahun 2020. Budaya kitar semula perlu diterapkan kepada semua lapisan masyarakat kerana ia penting bagi memastikan pembelaan alam sekitar, akan tetap berterusan seiring dengan pemodenan dan pembangunan yang dikecapi.

8. Sambutan Hari Habitat Sedunia disambut pada hari Isnin yang pertama bulan Oktober setiap tahun. Pada tahun ini, Sambutan Hari Habitat Sedunia jatuh pada 6 Oktober 2014 dengan bertemakan "*Voices From Slums*" atau "Suara-suara Daripada Kawasan Miskin". Matlamatnya adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai keadaan di beberapa tempat di dunia ini yang berkepadatan tinggi, dengan perumahan yang tidak mencukupi; tiada kemudahan bekalan air bersih dan kemudahan sanitasi. Ia juga melibatkan keadaan dimana tiadanya perkhidmatan pengangkutan awam dan tidak mempunyai akses untuk perkhidmatan kecemasan.

9. Setiap tahun, Hari Habitat Sedunia menggunakan tema baru yang dipilih oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berdasarkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan Agenda Habitat.

10. KPKT telah dilantik sebagai *National Focal Point* bagi melaksanakan semua aktiviti berkaitan UNHABITAT di Malaysia pada tahun 1985.

11. Majlis pada pagi ini diserikan dengan kehadiran YB. Datuk Dr. Adham Baba, YB. ADUN Pasir Raja; Sekolah SK Taman Kota Jaya; Datuk Yong Bun Fou, TKSU (Dasar dan Pembangunan) KPKT; Datuk Ab. Rahim Bin Md. Noor, Ketua Eksekutif PPSPPA; Tuan Haji Aminuddin Bin Adam, Pengarah Pelajaran Negeri Johor dan Pegawai Kanan KPKT.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my